

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERASA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 20 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7865**

**SOALAN:**

**Puan Terasa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menyerap RM38 fi pemprosesan yang dikenakan oleh MyEG pada permohonan pembaharuan permit kerja asing. Kenapakah Kementerian masih membenarkan MyEG dilaksanakan memandangkan perkhidmatan MyEG adalah lebih tidak efisien berbanding dengan perkhidmatan kaunter Imigresen.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pelaksanaan MyEG ini, Kerajaan telah mengambilkira semua pandangan dan maklumbalas yang diterima daripada pelbagai pihak terutamanya golongan majikan, para pekerja, dan orang awam dalam memastikan satu kaedah terbaik dikenalpasti dalam memelihara kepentingan semua pihak. Setelah penelitian dan pertimbangan dibuat, Kerajaan telah bersetuju agar kadar perkhidmatan yang dikenakan untuk perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan tidak perlu lagi dibayar oleh majikan dan dilaksanakan secara menyeluruh bermula 2 Mei 2015.**

**Pelaksanaan penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian (*online*) oleh MyEG secara dasarnya adalah bagi menangani isu penyelewengan dan persepsi negatif terhadap Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) selain dari meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kesesakan di pejabat-pejabat Imigresen.**

**Sejak mula dilaksanakan pada 1 Disember 2014, didapati aktiviti dan proses penyeragaman pembaharuan PLKS untuk semua sektor pekerja asing menerusi *online* dilihat lebih efisien dan pantas. Kesesakan dan masalah berbaris panjang di kaunter telah dapat**

**dikurangkan sebanyak 50% selepas pelaksanaan dan masa pemprosesan secara umumnya dapat disingkatkan.**

**Kerajaan berharap pelaksanaan ini dapat membuktikan keupayaan Kerajaan untuk mempertingkatkan kemudahan dan nilai tambah kepada pengguna. Pihak Kementerian juga sentiasa prihatin ke atas isu-isu pengurusan pekerja asing dan akan memastikan penambahbaikan secara berterusan.**